



# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 ( )

Tarikh: 3 Disember 2022

## MAJLIS PERASMIAN PETALING JAYA INTERNATIONAL FOLKLORE FESTIVAL (FESTIVAL KESENIAN RAKYAT ANTARABANGSA PETALING JAYA) 2022

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Petaling Jaya International Folklore Festival (Festival Kesenian Rakyat Antarabangsa Petaling Jaya) 2022 bermula 28 November 2022 dan akan berakhir pada 4 Disember 2022 bertempat di Dataran Petaling Jaya, Persiaran Barat, Seksyen 52, 46200 Petaling Jaya, Selangor. Festival kali ke-7 ini merupakan festival tahunan anjuran MBPJ yang mengetengahkan kebudayaan dari dalam negara dan luar negara untuk mendokong peranan Petaling Jaya sebagai sebuah kota seni.

Festival ini telah berjaya menarik penyertaan peserta dan pengunjung seramai 30,000 orang. Ia juga merupakan usaha sama di antara MBPJ dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), International Council of Organizations of Folklore Festivals and Folk Arts (CIOFF Malaysia) dan Tourism Selangor dan Suria RM sebagai radio rasmi. PJ Folklore 2022 ini merupakan salah satu usaha dan inisiatif bagi mempromosikan bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah Kota Seni dan destinasi pelancongan antarabangsa selain menghidupkan kawasan Seksyen 52. Selain itu, ia juga selaras dengan pelaksanaan Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient (PJSSR2030), ia juga merupakan salah satu agenda menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya mampan.

Festival ini mengetengahkan konsep kepelbagaian, keunikan, keharmonian, kesenian rakyat, budaya komuniti tempatan dan antarabangsa, perkongsian ilmu dan ketamadunan negara-negara seta memupuk kasih sayang dan cintakan budaya negara-negara lain.

Pelbagai acara menarik telah berlangsung melibatkan persembahan kebudayaan dan pameran busana tradisional daripada 8 buah negara antarabangsa iaitu Indonesia melibatkan dua kumpulan dari Bandung dan Kalimantan, Korea Selatan, Filipina, Thailand, Mexico, Sri Lanka, Jepun dan Uzbekistan. Manakala 10 buah negeri di Malaysia iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Johor.

PJ Folklore 2022 melibatkan 31 program secara percuma seperti PJ Fight Night (MIMA), Pocket Show yang melibatkan dua pusat membeli-belah iaitu One Utama Shopping Centre dan Sunway Pyramid Shopping Centre, Asian Food Festival, Pameran Busana & pelbagai jualan, persembahan Wayang Kulit (Pok Chu), Dikir Barat (Issey), Persembahan Kebudayaan Antarabangsa, Konsert WINGS Ceritera Rakyat dan lain-lain.

Penganjuran Petaling Jaya International Folklore Festival (Festival Kesenian Rakyat Antarabangsa Petaling Jaya) telah mendapat pengiktirafan pada tahun 2018 sebagai program pertukaran kebudayaan antarabangsa (International Cultural Exchange Programme) oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan penganjuran tahun ini MOTAC sekali kali memberi pengiktirafan dengan menyampaikan Sijil Insentif Promosi PJ Folklore 2022 Melalui Kalender Pelancongan Malaysia.

Orang ramai amat digalakkan untuk terus berinteraksi, bersama MBPJ di media sosial rasmi MBPJ iaitu di Facebook; Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Instagram dan twitter; picitycouncil serta laman sesawang MBPJ [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my).

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 ( )

Tarikh: 8 Disember 2022

## MBPJ IKTIRAF INISIATIF PENGUSAHA-PENGUSAHA DAN PENGENDALI-PENGENDALI MAKANAN DI PETALING JAYA

Sebagai usaha Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengiktiraf inisiatif pengusaha dan pengendali makanan di Petaling Jaya menjaga dan mengekalkan tahap kebersihan premis makanan dan tandas di permis mereka, sebanyak 119 anugerah diberikan kepada pengusaha premis makanan dan tandas awam yang terdiri daripada 84 penerima bagi kategori premis makanan dan 35 penerima bagi kategori tandas awam di Majlis Anugerah Premis Makanan Dan Tandas Bersih Tahun 2022.

Matlamat utama program ini diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pengusaha-pengusaha premis makanan dan tandas bersih di atas inisiatif mereka bagi mencapai standart terbaik melalui kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Majlis. Semua premis makanan dan tandas yang mencapai kebersihan tahap 'A' adalah layak dipertimbangkan bagi anugerah ini.

Program seperti ini juga dapat meningkatkan tahap kesedaran pengusaha premis makanan dan tandas untuk sentiasa mengekalkan tahap kebersihan premis pada setiap masa serta dapat mengelakkan dari dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa.

Melalui pengiktirafan sebegini diharapkan dapat meningkatkan daya saing mana-mana pemilik premis untuk menjadikan premis mereka sebagai premis yang bersih dan secara tidak langsung dapat meningkatkan jumlah premis makanan dan tandas bersih di petaling jaya.

Salah satu fokus utama MBPJ adalah mewujudkan persekitaran yang selamat serta pembangunan hijau dan persekitaran yang bersih. Ia merupakan

sesuatu yang amat penting dalam kehidupan sehari-hari selaras dengan amalan dan budaya masyarakat kita.

Kebersihan merupakan lambang keperibadian seseorang serta imej sesuatu masyarakat. Tanggungjawab menjaga kebersihan adalah tanggungjawab bersama bukan diletakkan sebagai tugas pihak berkuasa tempatan semata-mata.

MBPJ telah dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kebersihan awam dan persekitaran termasuklah kebersihan di premis makanan. Isu kebersihan premis makanan merupakan perkara yang serius yang perlu dititik beratkan. Premis makanan yang bersih, seperti di restoran, restoran makanan segera, kedai makan, kafeteria, kiosk, medan selera dan gerai makanan akan menarik lebih ramai pelanggan, dan itu adalah baik untuk perniagaan kerana pelanggan akan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan untuk mereka.

Kebersihan premis makanan akan membuatkan pelanggan lebih selesa dan sudah pastinya mereka akan mengunjungi semula ke tempat kita.

Anugerah kategori premis makanan yang akan diberikan pengiktirafan ialah restoran berhawa dingin, restoran tidak berhawa dingin, dapur hotel, kafe dan bakeri, restoran makanan segera, kompleks beli belah, medan selera swasta, kompleks gerai mbpj, gerai individu mbpj, kantin sekolah rendah dan kantin sekolah menengah.

Manakala bagi kategori tandas awam yang akan menerima anugerah adalah seperti sekolah rendah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan, tandas awam majlis, tandas awam di bangunan majlis, terminal pengangkutan awam, rumah ibadah (masjid dan lain-lain rumah ibadah), ipta/ipts, kompleks beli belah, gerai & pasar, restoran berhawa dingin, restoran tidak berhawa dingin serta stesen minyak.

Pemilihan premis-premis ini dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ sendiri melalui penilaian dan pemantauan berterusan

dengan menggunakan borang penilaian yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Setelah premis-premis ini disenarai pendek, penilaian akhir dilakukan oleh panel-panel jemputan yang terdiri daripada pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), pegawai Dari Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, pegawai dari Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya serta jabatan dalaman MBPJ sendiri.

Dalam meningkatkan kesedaran penjagaan kebersihan tandas awam, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut meletakkan harapan yang tinggi agar semua pbt di Malaysia bertindak sebagai ‘lead agencies’ dalam menjalankan aktiviti kempen tandas bersih di peringkat pbt. Inisiatif ini penting untuk menyemai dan mengingatkan rakyat agar mengikis sikap pentingkan diri sendiri semasa menggunakan tandas awam serta memastikan penjagaan kebersihan tandas dan mengamalkan etika penggunaan tandas yang betul. Kempen tandas bersih ini pasti akan membawa hasil yang memberangsangkan sekiranya semua pihak termasuklah ahli majlis, ngo serta penduduk setempat bersatu bagi menyokong kempen ini.

KPKT juga turut menganjurkan pertandingan tandas bersih peringkat kebangsaan. Di harapkan dengan adanya pertandingan tandas bersih peringkat MBPJ ini dapat menjadi batu loncatan bagi pemenang-pemenang hari ini untuk menyertai pertandingan tandas bersih peringkat kebangsaan pada tahun hadapan.

Sambutan hari tandas sedunia telah disambut sejak tahun 2001 (19 November) atas inisiatif Pertubuhan Tandas Sedunia (World Toilet Organization, WTO) yang begitu prihatin terhadap kurangnya perhatian manusia sejagat ke atas aspek-aspek penjagaan kebersihan dalam kehidupan seharian. Hampir 2.6 billion manusia di seluruh dunia tinggal di kawasan dengan sistem sanitasi yang tidak sempurna dan menyebabkan mereka membuang air di kawasan-kawasan terbuka, sungai-sungai serta kawasan-kawasan berhampiran tempat tinggal serta kawasan punca

makanan dan air. Dianggarkan 1.8 juta manusia yang kebanyakannya terdiri daripada kanak-kanak, mati dan menderita akibat penyakit bawaan makanan dan air setiap tahun.

Dengan adanya program seperti ini, risiko kejadian kes-kes keracunan makanan dan penyakit bawaan makanan dan minuman boleh dikurangkan, taraf ekonomi dan pelancongan terus berkembang. Pelanggan premis makanan dan pengguna tandas yang terdiri dari warga petaling jaya dan luar juga dapat menikmati suasana persekitaran yang bersih dan selesa setiap masa.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



mana memerlukan bimbingan secara terus “one to one” dan lawatan ke lokasi perniagaan bagi melihat sendiri dan membantu usahawan ini untuk terus maju dalam perniagaan dan menambah baik sistem pengurusan perniagaan mereka.

Selain itu, panel penilai bagi Anugerah Usahawan Petaling Jaya 2022 terdiri daripada :-

- i. Puan Intan Nur Aqielah binti Ismail, Penolong Pengarah, Pejabat SUK (UPENS)
- ii. Puan Junainah binti Junid, Pensyarah Kanan, UiTM Puncak Alam, Selangor
- iii. Puan Ermeemarianna binti Saadon, Ahli Majlis Zon 15 MBPJ
- iv. Encik Mohd Zulhazri bin Azmi, Jurulatih Kursus Usahawan

Majlis juga memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara Majlis dengan sahabat-sahabat strategik iaitu Yayasan Hijrah Selangor, SELDEC, INSKEN, PLATS (MBI), Boost Biz dan Koperasi Malaysia. MoU ini bertujuan bagi menjalankan kerjasama yang baik antara Majlis dan sahabat strategik dalam perkongsian maklumat, perkhidmatan dan juga produk yang ditawarkan supaya ianya dapat membantu usahawan-usahawan di Petaling Jaya lebih berdaya tahan dan kreatif.

‘Meransang ekonomi, mensejahtera komuniti’ merupakan tema bajet Majlis bagi tahun 2023. Sejakar dengan tema tersebut, Majlis sentiasa mempergiat segala daya dan usaha bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan strategi dan program-program yang telah dirancang bagi memperkuatkan ekonomi di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695